



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : (4981)

No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor

No. Te l: 03 8733 2705 / 2597 No. Faks : 03 8733 0427 Email : admin@koobpm.com.my

No Fail: KoBPM/PEM (3) 2019 (6)

Tarikh: 26 December 2019

Semua Anggota

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

ATURAN TABUNG PERLINDUNGAN KREDIT (TPK)

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pihak KoBPM telah mewujudkan Tabung Perlindungan Kredit (TPK) sebagai alternatif kepada naikan premium daripada Syarikat Takaful untuk skim perlindungan kepada pembiayaan Anggota KoBPM. Konsep TPK ini adalah berlandaskan konsep "Wakalah" dan "Tabarruq". Anggota boleh merujuk kepada Aturan TPK untuk lebih terperinci dan jelas.

Aturan TPK ini telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 23 pada 26 Oktober 2019. Dengan ini Aturan TPK digunapakai dan berkuatkuasa serta-merta. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Unit Pembiayaan untuk maklumat selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama semua Anggota KoBPM dialu-alukan.

Sekian, Terima Kasih.

"SEPAKAT MENINGKAT KESEJAHTERAAN BERSAMA"

Yang Benar,

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad


(ZULKIFLI MAHMOOD)

Pengurus Besar KoBPM



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN TABUNG PERLINDUNGAN KREDIT KoBPM (TPK)

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan Aturan Tabung Perlindungan Kredit (TPK) Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Bhd.
- 1.2 Ia diwujudkan bagi tujuan menyediakan skim perlindungan kepada pembiayaan anggota sebagai alternatif kepada kenaikan premium daripada Syarikat Takaful yang agak tinggi serta terhad.
- 1.3 Aturan ini diwujudkan dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KoBPM ini dan Ketua Pendaftar.
- 1.4 Tabung Perlindungan Kredit adalah berlandaskan konsep sedekah iaitu 'Wakalah'.

2.0 TAFSIRAN


Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai:-

- 2.1 'Anggota' maknanya Anggota-Anggota yang telah sah diterima masuk menjadi Anggota mengikut Undang-undang Kecil KoBPM ini.
- 2.2 'Tabung Perlindungan Kredit' maknanya satu kumpulan wang yang diwujudkan daripada pendapatan bersih koperasi serta kutipan sumbangan daripada anggota yang menyertai skim – skim pembiayaan kepada anggota tujuan melindungi kerugian akibat pesertanya gagal membuat bayaran balik pembiayaan disebabkan oleh kematian, hilang upaya dan hilang punca pendapatan.
- 2.3 'KoBPM' maknanya Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad.
- 2.4 'ALK' maknanya Anggota Lembaga KoBPM yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil KoBPM ini.
- 2.5 'Wakalah' bererti KoBPM adalah sebagai penjaga, penjamin, pelengkap untuk diserahkan kepadanya sesuatu hal atau urusan untuk dilakukannya.

- 2.6 'TPK' adalah Tabung Perlindungan Kredit KoBPM untuk tujuan membantu Anggota membuat pembiayaan dengan KoBPM.
- 2.7 'JPA' adalah Jawatankuasa Pembiayaan Anggota.
- 2.8 'MAPT' adalah Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
- 2.9 Unit Pembiayaan KoBPM adalah sebuah unit di KoBPM yang mengendikan permohonan pembiayaan anggota KoBPM.
- 2.10 Unit Pembangunan dan Perniagaan adalah sebuah Unit yang di tubuhkan di bawah Bahagian Pembangunan dan Perniagaan untuk mengurusendalikan urusan perniagaan KoBPM kecuali pembiayaan anggota dan urusan keanggotaan KoBPM.

3.0 KONSEP

- 3.1 Konsep yang terlibat dengan TPK ini adalah merangkumi 2 konsep iaitu Tabarruq dan Wakalah.
- 3.2 Konsep Tabarruq adalah sedekah/derma yang diberikan oleh peserta dengan tidak meminta pertukaran atau balasan.
- 3.3 Konsep Wakalah adalah penyerahan sesuatu daripada peserta yang mampu dilaksanakan sendiri dan boleh diwakilkan kepada KoBPM dengan akad untuk dilaksanakan dalam tempoh hayatnya.
- 3.4 Berikut adalah gambar rajah berkenaan konsep TPK ini.



4.0 TUJUAN

Tujuan Tabung Perlindungan Kredit KoBPM ini diwujudkan ialah untuk:

- 4.1 Memberi peluang kepada Anggota yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan kerana tidak cukup kelayakan yang ditetapkan dalam Manual KoBPM.
- 4.2 Melindungi penjamin/waris Anggota KoBPM yang telah meninggal dunia daripada membayar baki pembiayaan di KoBPM
- 4.3 Menambah dan meningkatkan peluang pendapatan tambahan kepada Anggota dan KoBPM melalui TPK ini.
- 4.4 Melindungi wang KoBPM dari kerugian akibat daripada angkara perbuatan tidak jujur, pecah amanah atau penyelewengan yang dilakukan oleh Anggota.

5.0 PUNCA KEWANGAN

Kewangan bagi TPK ini boleh diperolehi dari:

- 5.1 20% dari Kumpulan Wang Pelajaran dan Kebajikan sebagai dana permulaan.
- 5.2 Dana pusingan dari setiap Anggota KoBPM yang memohon pembiayaan perlu menyertai TPK ini di mana premium akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan . Rujuk Rajah 1.
- 5.3 Melalui sumbangan dari individu/agensi.

Kadar kenaan Premium bagi Tabung Perlindungan Kredit pada kadar '000.

Tempoh Umur	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
20-25	1.00	1.50	2.00	2.50	3.00	3.50	4.00	4.50	5.00	6.00
26-30	1.20	1.70	2.40	3.00	3.70	4.40	5.10	5.80	6.50	7.00
31-35	2.00	3.00	4.00	5.00	6.00	7.00	8.00	9.00	10.00	11.00
36-40	5.00	7.00	9.50	11.00	12.50	14.00	15.50	17.00	18.50	20.00
41-45	8.00	11.00	14.00	17.00	20.00	23.00	26.00	29.00	32.00	35.00
46-50	15.00	20.00	25.00	30.00	35.00	40.00	45.00	50.00	55.00	60.00
51-60	16.00	26.00	34.00	42.00	50.00	58.00	66.00	74.00	82.00	90.00
61-70	25.00	35.00	45.00	55.00	70.00	80.00	90.00	100.00	110.00	120.00
71 ke atas	30.00	40.00	50.00	60.00	75.00	90.00	105.00	120.00	135.00	150.00

Rajah 1

6.0 PENTADBIRAN KEMUDAHAN

- 6.1 TPK ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pembiayaan dan Perkhidmatan Anggota (JPPA) yang dilantik oleh ALK di bawah Undang-Undang Kecil 50(2)(u).
- 6.2 Hal Ehwal urus tadbir dan kuasa yang diperuntukkan oleh ALK sepertimana termaktub di dalam Terma dan Syarat JPPA adalah terpakai.
- 6.3 Lebihan TPK dengan kelulusan ALK boleh membenarkan Jawatankuasa Pembiayaan dan Perkhidmatan Anggota menyerahkan dana kepada Jawatankuasa Pelaburan untuk membuat pelaburan yang mendatangkan keuntungan kepada KoBPM.

7.0 SKOP PERLINDUNGAN

- 7.1 Apabila Anggota yang masih mempunyai baki pembiayaan dengan KoBPM meninggal dunia/keilatan kekal, penjamin/pewaris tidak perlu membayar tunggakan pembiayaan tersebut.
- 7.2 Perlindungan kepada mangsa penyelewengan, pecah amanah, penipuan dan salah guna kuasa.
- 7.3 Melindungi pembiayaan yang sudah tiada cara untuk dikutip setelah semua tindakan diambil ke atas pemohon biaya dan penjamin.
- 7.4 Perlindungan kredit kepada Anggota yang membuat pembiayaan tanpa mengira usia selagimana Anggota masih memerlukan pembiayaan.

8.0 HAD PERLINDUNGAN

Perlindungan hanyalah terhad kepada baki pokok pembiayaan semasa tidak termasuk keuntungan yang belum diiktiraf.

9.0 SAIZ TABUNG


Tiada had untuk saiz TPK ini.

10.0 PEMBAYARAN

Semasa pengeluaran pembiayaan dibuat kepada Anggota, jumlah premium TPK akan terus dipindahkan ke akaunTPK.


11.0 PELAKSANAAN

Aturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam MAPT KoBPM kali ke 23 pada 26 Oktober 2019 dan dilaksanakan serta merta menggantikan Pelan Takaful Kredit yang telah digunapakai oleh KoBPM sebelum ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Maur', is written above a horizontal dashed line.

SETIAUSAHA KoBPM

CARTA ALIRAN – PROSES PENDAFTARAN TPK



CARTA ALIRAN – TUNTUTAN TPK DARI WARIS/KOPERASI

